

## Aspek klinikal COVID-19

### Ringkasan pembentangan Oliver Koch di bengkel SARS-CoV-2 / COVID-19.

Penyebaran virus adalah yang paling tinggi pada awal penyakit ini, dan ianya bermula 24-48 jam sebelum timbulnya gejala. Pembebasan virus biasanya berterusan selama satu hingga dua minggu dalam kes ringan atau sederhana, atau lebih lama untuk kes yang lebih teruk. Walaupun setelah pesakit pulih, qPCR tetap positif.

COVID-19 bukanlah selesema yang teruk. Ia merebak dengan lebih mudah dan kadar kematian jauh lebih tinggi daripada selesema bermusim. Data setakat ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan sekitar 80% adalah kes ringan, 15% teruk, dan 5% kritikal. Pemulihan memerlukan sekitar dua minggu untuk kes ringan dan tiga hingga enam minggu untuk kes yang lebih teruk. Dalam kes yang membawa kepada kematian, perkembangan dari permulaan gejala hingga kematian adalah antara dua dan lapan minggu. Jangkitan asimtomatik atau jangkitan tanpa gejala jarang berlaku berdasarkan ujian molekul; namun kebanyakan kes "asimtomatik" berkemungkinan besar akan menimbulkan gejala.

Secara purata umur kemasukan ke hospital di China adalah 47. Umur merupakan faktor penyumbang utama sama ada pesakit perlu dimasukkan ke Rawatan Rapi; pesakit yang lebih tua cenderung menjadi kritikal, sementara penyakit ini cenderung lebih ringan pada orang yang lebih muda dan kanak-kanak. Kanak-kanak juga cenderung tidak dijangkiti, walaupun kita memerlukan kajian seroprevalensi untuk mengesahkannya. Seseengah komorbiditi juga meningkatkan risiko pesakit menjadi lebih teruk, terutamanya tekanan darah tinggi, diabetes, dan masalah pernafasan yang sedia ada.

Beberapa penanda makmal seperti bilangan limfosit, boleh digunakan sebagai ramalan bagaimana penyakit ini dapat berkembang pada pesakit. Namun, kerana kita belum sepenuhnya memahami hubungan antara penanda ini dan penyakit, mereka boleh mengelirukan diagnosis.

Kehamilan belum lagi kelihatan sebagai faktor risiko yang ketara untuk perkembangan penyakit yang teruk, tetapi ini hanya berdasarkan sebilangan kecil kes. Penularan intrauterine juga belum dikenal pasti, tetapi beberapa kes penyakit pada bayi baru lahir telah direkodkan.